

25 NOV 1997

LARANGAN BERCUTI DI LUAR NEGARA UNTUK PULIHKAN EKONOMI, KATA YUSOF

KUALA TERENGGANU, 25 Nov (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor hari ini berkata arahan parti kepada anggota Umno supaya tidak bercuti di luar negara bertujuan untuk memulihkan ekonomi Malaysia.

Mereka sepatutnya menghabiskan cuti di dalam negara bagi mengelakkan pengaliran ke luar wang, katanya.

"Tetapi rakyat janganlah menyangka ini sebagai satu arahan untuk menghalang kebebasan mereka..." katanya kepada pemberita di Gong Badak dekat sini.

Katanya mana-mana pemimpin negeri yang masih tidak faham mengenai arahan itu boleh merujuk kepada pucuk pimpinan parti di Kuala Lumpur.

Peraturan itu diumumkan minggu lepas berikutan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

Dr Yusof berkata garis panduan mengenai arahan itu akan diumumkan oleh presiden parti dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat pertama Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) bulan depan. --  
BERNAMA

SBS RON